

**LEMBAGA PENGKALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA)**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan **berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh iklan ditutup** bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

**1. JAWATAN : PEGAWAI EHWAL EKONOMI
(GRED E41) - PENULIS**

TARAF JAWATAN : **KONTRAK**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : Ekonomi

SKIM PERKHIDMATAN : Pegawai Ehwal Ekonomi

KUMPULAN PERKHIDMATAN : Pengurusan dan Profesional

PENEMPATAN : Ibu Pejabat, Tourism Malaysia

2. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : **RM2,083.00**); atau
- ii. Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : **RM2,286.57**)

- (d) Keutamaan diberikan kepada calon yang **mempunyai pengalaman dalam bidang penulisan, penterjemahan dan penyuntingan artikel.**
- (e) Memperolehi **sekurang-kurangnya Gred A dalam subjek Bahasa Inggeris** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (f) Mampu bekerja di bawah tekanan dan penyeliaan yang minimum.

3. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. **DESKRIPSI TUGAS**

- (a) Bertanggungjawab dalam menghasilkan bahan-bahan penulisan, publisiti dan komunikasi seperti siaran media, teks ucapan, teks temuramah, kata alu-aluan, surat rasmi, rencana dan advertorial.
- (b) Merancang, memilih dan merangka isi kandungan sebanyak *e-newsletter* bagi menguar-uarkan maklumat terkini industri pelancongan untuk sebaran umum di dalam dan di luar negara.
- (c) Menterjemah bahan-bahan penulisan, publisiti dan komunikasi daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris dan sebaliknya.
- (d) Menyemak, menyunting dan membaca pruf bahan-bahan penulisan, publisiti dan komunikasi.

5. ARAHAN DAN CARA MEMOHON

- (a) Permohonan adalah **secara dalam talian** melalui **HR System Management**. Berikut adalah panduan bagi memohon :
 - i. Log in dipautan;
<https://hr.tourism.gov.my/apps/recruitment/registration>
 - ii. Daftar pengguna > tetapkan kata laluan > aktifkan akaun (**semak e-mel untuk link pengaktifan akaun**) > pilih menu *Public Login*
 - iii. Log masuk > pilih menu *Resume* > lengkapkan *Resume* > memuat naik dokumen-dokumen berdasarkan senarai semak yang dikemukakan
 - iv. Pilih jawatan yang ingin dimohon.
- (b) Gambar yang dimuat naik hendaklah menggunakan **gambar berukuran pasport terkini**. **Selain dari gambar pasport tidak dibenarkan**.
- (c) **Bagi pemegang Ijazah Sarjana Muda daripada Institut Pengajian Tinggi Swasta/Luar Negara, perlu mengemukakan sesalinan pengiktirafan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**. Pemohon boleh melayari laman web <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/>
- (d) Tarikh tutup permohonan ialah pada **9 Februari 2024 (Jumaat)**.

6. CATATAN AM

- (a) Calon yang berjaya melepasi tapisan kelayakan akan dimaklumkan **secara rasmi**.
- (b) Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh **tiga (3) hingga enam (6) bulan** selepas daripada tarikh iklan ditutup, permohonan tuan/puan adalah dianggap **tidak berjaya**.
- (c) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan melalui e-mel kepada pelantikan@tourism.gov.my

***** SEKIAN, TERIMA KASIH *****

SENARAI SEMAK & SERAH DOKUMEN PERMOHONAN JAWATAN

Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut (**diakui sah benar oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional**) mengikut susunan:

BIL	PERKARA	ADA / TIADA	CATATAN
1	Salinan Kad Pengenalan (Hendaklah dipalang dua (2) garisan lurus dan ditulis “KEGUNAAN TOURISM MALAYSIA SAHAJA”)		
2	Salinan Sijil Kelahiran		
3	Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)		
4	Salinan Sijil Ujian Lisan BM Peringkat SPM		
5	Salinan Sijil Tamat Persekolahan Menengah		
6	Salinan STPM/Sijil Matrikulasi KPM/Sijil Khas/Diploma dan Transkrip Akhir/ Ijazah dan Transkrip Akhir <i>(mana yang berkenaan)</i>		
7	Salinan Pengiktirafan oleh JPA bagi Sijil Khas/ Diploma/Ijazah yang diberikan oleh badan pendidikan swasta <i>(sekiranya berkenaan)</i>		
8	Gambar Pasport terkini di Borang Permohonan		
9	Dihadkan lima (5) sijil kegiatan sukan atau ko- kurikulum yang difikirkan terbaik		
10	Sijil Digital Vaksinasi Covid-19		

ARAHAN:

- a) Ke semua dokumen di atas hendaklah dimuat naik ke dalam sistem semasa permohonan dibuat.